



## SIARAN AKHBAR

---

### KEBERANGKATAN LAWATAN **HER ROYAL HIGHNESS PRINCESS MAHA CHAKRI SIRINDHORN, THE PRINCESS ROYAL OF THAILAND** KE KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN WASAN

*Hari Khamis, 23 Safar 1440h Bersamaan 01 November 2018  
Daerah Brunei-Muara*

**Her Royal Highness Princess Maha Chakri Sirindhorn, the Princess Royal of Thailand** pada hari ini berkenan berangkat melawat **Ladang Penanaman Padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan, Mukim Pengkalan Batu**. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia **di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan** dijunjung oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke Kem Pameran.

Sejurus keberangkatan tiba di Kem Pameran, *Her Royal Highness* dijunjung mendengar sembah taklimat daripada Yang Mulia Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali, Juruekopertanian, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Lt. Kol. (B) Awang Haji Mohd Shahlan bin Hidup, Pengerusi Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) Berhad; Yang Mulia Awang Haji Yakub bin Haji Othman, Ketua Ladang Projek Penanaman Padi, Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu; dan Yang Mulia Dayang Hajah Zaitunah binti Haji Kurus, Ketua Sekolah, Sekolah Agro-teknologi & Sains Gunaan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei – Kampus Agroteknologi.



*Her Royal Highness* seterusnya dijunjung untuk menandatangani Lembangan Kenangan sebelum dijunjung untuk menerima Pasambah daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seterusnya, *Her Royal Highness* berkenan bergambar ramai dan ramah mesra bersama pengusaha-pengusaha padi; dan kemudian berangkat untuk menyaksikan penanaman varieti padi hibrid berhasil tinggi, Sembada188, menggunakan mesin jentera penanaman padi (*paddy transplanter*).

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang-peladang padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan.

/TAMAT.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**Negara Brunei Darussalam**

*Tarikh: 1 November 2018*